

25 JUL 1998

Mahathir-perkongsian

MAHATHIR MINTA PENIAGA MALAYSIA KEKALKAN IMEJ

Oleh: Zulkefli Salleh

JOHANNESBURG, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta syarikat dan pelabur di Afrika Selatan dan di tempat lain supaya mengekalkan imej baik yang mereka perolehi menerusi konsep perkongsian bijak dan dasar "makmurkan jiran anda".

Perdana Menteri yang sedang rangka lawatan dua hari ke Afrika Selatan, turut mengingatkan mereka mengenai pentingnya mereka melaksanakan tanggungjawab sosial dan tidak sekadar memikirkan mengenai keuntungan urusan niaga masing-masing.

"Falsafah Malaysia ialah membantu dengan ala kadarnya untuk memakmurkan jiran kita kerana kita sendiri tidaklah makmur sangat," kata beliau ketika berucap semasa melawat kawasan perumahan bersuasana desa Pecanwood yang dimajukan oleh Country Heights Holdings dari Malaysia dan pemaju tempatan Maccon, 60 km dari sini pada Jumaat.

Dr Mahathir berkata pengalaman menunjukkan bahawa negara-negara jiran yang daif akan hanya mendatangkan masalah seperti pendatang tanpa izin dan ini berlaku di Afrika Selatan sendiri.

Projek Pecanwood yang dimulakan pada 1996 meliputi kawasan seluas 237 hektar yang dulunya ladang tomato dengan mempunyai pemandangan sebuah tasik dan gunung. Projek yang menyediakan padang golf dan sebuah marina ini menawarkan lot banglo berharga antara RM100,000 dan RM800,000, separuh daripadanya sudahpun dijual.

Dr Mahathir berkata projek Pecanwood berharga RM120 juta itu merupakan contoh terbaik perkongsian bijak dan dasar "makmurkan jiran anda" kerana ia menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan Afrika Selatan.

Katanya beliau gembira kerana projek itu menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan bukan sahaja dalam industri pembinaan tetapi juga dalam industri pelancongan.

Dr Mahathir memuji pengusaha projek itu kerana memasukkan program tukaran pelajar yang membolehkan 30 penuntut dari sini mendapat latihan dalam industri hotel dan pelancongan di Malaysia setiap tahun.

Ketua Menteri Wilayah Barat Laut Simon Molefe berkata beliau gembira kerana projek itu menyediakan 1,500 peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan dan 350 kerja sampingan.

"Projek ini memberi kesan pemangkin kepada ekonomi tempatan, wilayah dan negara kerana kawasan ini akan bergantung kepada ekonomi sekelilingnya bagi mendapatkan bekalan dan perkhidmatan," katanya.

Ketua Eksekutif Country Heights Tan Sri Lee Kim Yew memberitahu pemberita bahawa program pertukaran pelajar itu didorong oleh dasar perkongsian bijak dan memakmurkan jiran anda itu.

-- BERNAMA

ZKS MAI